



KETUA Kampung, Othman Adon menunjukkan keadaan air sungai yang hitam dan berbau di Sungai Daing, Kampung Perigi Aceh. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN

## Tutup laluan tikus elak buang sisa toksik

Oleh ZULHISHAM ISAHAK  
 pengarang@utusan.com.my

■ PASIR GUDANG 18 OGOS

**P**ENDUDUK Kampung Perigi Aceh di sini yang sudah lama menjadi mangsa pencemaran memohon pihak berkenaan menutup dua laluan tikus ke Sungai Daing dan Sungai Kopok kerana dijadikan tempat pembuangan pelbagai sisa industri termasuk bahan toksik sejak beberapa tahun lalu.

Menurut mereka, dua jalan tikus berkenaan dipercayai menjadi tempat pembuangan sisa industri terutama dari 20 kilang berdekatan kampung itu sejak sekian lama kerana laluan itu sunyi dan sukar dikesan kerana ditutupi belukar.

Terbaharu lebih 100 kampilit sisa buangan kilang dipercayai bahan toksik ditemukan di satu laluan tikus berhampiran Sungai Daing, kelmarin.

Penemuan bahan buangan itu mengakibatkan pencemaran terbaharu sekali gus membimbangkan 532 penduduk kampung itu kerana ia menghasilkan bau busuk selain air sungai bertukar menjadi kotor, keruh serta ikan turut mati.

Ketua Kampung Perigi Aceh, Othman Adon berkata, bahan buangan terbaharu itu dilonggokkan di laluan tikus ke Sungai Daing dalam kampilit yang berbagai saiz termasuk diletakkan dalam botol.

"Mereka membuang sisa kilang itu dipercayai pada waktu malam di salah satu daripada dua laluan tikus di kampung ini

"Mereka membuang sisa kilang itu dipercayai pada waktu malam di salah satu daripada dua laluan tikus di kampung ini dan laluan itu berakhir di Sungai Daing sebelum airnya mengalir masuk ke Sungai Kopok."

OTHMAN ADON

dan laluan itu berakhir di Sungai Daing sebelum airnya mengalir masuk ke Sungai Kopok.

"Keadaan ini menjadikan air sungai menjadi busuk dan warnanya hitam pekat. Siasatan perlu dilakukan kerana terdapat kira-kira 20 kilang dengan jarak begitu hampir dengan kampung ini," katanya ketika ditemui di kampung berkenaan hari ini.

Othman turut mendakwa, terdapat empat nama kilang tertera pada kampilit yang ditemukan itu dan susulan itu dua laporan dibuat di Balai Polis Pasir Putih kelmarin dan Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam pada pagi ini.

Jelasnya, laporan tersebut menggesa polis dan pihak berkaitan melakukan siasatan kerana sehingga kini bahan-bahan buangan berkenaan masih dibiarkan di kawasan itu.

Semalam *Utusan Malaysia*

mendedahkan pencemaran terbaharu dikesan di Sungai Daing dan Sungai Kopok di sini sejak lebih seminggu lalu berikutan airnya yang berbau busuk selain warnanya bertukar hitam dan kelabu.

Ujar Othman, pencemaran di kampung tersebut sebenarnya sudah berlarutan sejak sekian lama tetapi sejak April lalu keadaan bertambah teruk terutama dengan penemuan terbaharu.

Dalam pada itu kerajaan negeri akan melakukan pemeriksaan terhadap semua industri berhampiran kawasan Sungai Daing dan Sungai Kopok dalam usaha mengesan pihak yang melakukan pencemaran itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar, Tan Chen Choon berkata, langkah itu bagi mencari dalang untuk memastikan industri mematuhi standard prosedur operasi mengikut piawaian di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Langkah tersebut diputuskan setelah melihat sendiri kualiti air sungai berkenaan pada pagi ini bersama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Ahli-Ahli MPPG, pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perikanan Malaysia Johor dan SWCorp Negeri Johor.

"Penilaian kualiti air dilakukan setelah ukuran secara insitu dibuat pihak JAS dalam tinjauan pada pagi tadi," katanya dalam satu kenyataan.